



FAHMI FADZIL

KL City jamin selesai isu tunggakan gaji pemain

PETALING JAYA: Kuala Lumpur City FC (KL City) memberi jaminan untuk menyelesaikan isu tunggakan gaji pemainnya mengikut tempoh ditetapkan oleh Liga Bola Sepak Malaysia (MFL).

Penaungnya, Fahmi Fadzil berkata, pihaknya sentiasa komited menyelesaikan masalah yang dihadapi terutamanya melibatkan isu tunggakan gaji pemain dalam usaha mereka mempersiapkan pasukan menghadapi musim baharu Liga Malaysia (Liga M).

“Dua hari lalu, saya, Stanley (Bernard) (Ketua Pegawai Eksekutif KL City FC) dan Dr. Zaliha (Mustafa) (Menteri Wilayah Persekutuan) dan juga Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman (Mat Salleh) mencapai kata putus untuk melakukan beberapa perkara untuk menyegerakan bayaran.

“Saya juga telah meminta Datuk Bandar untuk segera menghubungi MFL dan menyatakan komitmen DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) menyelesaikan perkara ini.

“Insya-Allah, dalam tempoh masa yang tidak terlalu lama kami akan melunaskan segala hutang, terutamanya melibatkan pemain,” kata kepada pemberita selepas siri ketiga program Teh Hijau Kuala Lumpur yang diadakan di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, semalam.

Pada 7 Mac lalu, MFL mengarahkan KL City dan KFA FC untuk membuat pembayaran pertama berhubung isu tunggakan gaji pemain sebanyak 50 peratus pada atau sebelum 15 Mac lalu dan penyelesaian penuh pada atau sebelum 29 Mac ini.